



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 03 Tahun 2021

**PELAKSANAAN PERKULIAHAN DAN PENGENDALIAN
KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS BAGI SESI II 2020 / 2021
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi panduan tentang pelaksanaan perkuliahan dan pengendalian kemasukan pelajar kembali ke kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) di seluruh negara bagi Sesi II 2020 / 2021 (Mac-Ogos 2021).

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan beberapa pemakluman berkaitan pengendalian perkuliahan pada bulan Januari dan Februari 2021 seperti berikut:

- a. Surat bertarikh 7 Januari 2021 telah mengumumkan bahawa pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) boleh kembali ke kampus pada Sesi II 2020 / 2021 secara berfasa mengikut kategori pelajar.
 - b. Surat bertarikh 12 Januari 2021 telah memaklumkan tentang ketetapan pengoperasian Institusi Pengajian Tinggi (IPT) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
 - c. Kenyataan media yang dikeluarkan pada 31 Januari 2021 telah memaklumkan mengenai kemasukan semula pelajar ke kampus secara fizikal mengikut kategori yang dibenarkan bermula 1 Mac 2021.
 - d. Surat bertarikh 8 Februari 2021 telah memaklumkan tentang kemasukan semula pelajar berkeperluan ke kampus yang ditempatkan di kolej kediaman pelajar di dalam kampus.
 - e. Surat bertarikh 9 Februari 2021 telah memaklumkan tentang kemasukan semula pelajar ke kampus secara fizikal bermula 1 Mac 2021.
3. Memandangkan UiTM mempunyai jumlah pelajar baharu dan lama yang ramai dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang perlu dipatuhi dari semasa ke semasa, maka Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) pada 13 Januari 2021 telah meluluskan proses dan tatacara pelaksanaan perkuliahan dan pengendalian pelajar mengikut kategori yang dibenarkan untuk kembali ke kampus. Proses dan tatacara ini perlu dilaksanakan secara berfasa dengan pengubahsuaian mengikut kesesuaian agar pengoperasian pendaftaran berjalan dengan lancar.

PELAKSANAAN PERKULIAHAN

4. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dijalankan secara Terbuka dan Jarak Jauh (Open and Distance Learning (ODL)), dan / atau secara bersemuka setempat (*Face-to-Face (F2F)*) mengikut kaedah pembelajaran teradun dan hibrid.
5. Penetapan PdP secara asasnya boleh dibuat menurut jadual di bawah dengan mengambil kira:
 - a. Situasi semasa penularan COVID-19.
 - b. Keperluan kursus.
 - c. Keberadaan pelajar.
 - d. Kapasiti ruang pembelajaran (bilik kuliah, makmal, studio dan sebagainya).
 - e. Keperluan dan keupayaan fasiliti.
6. Pendaftaran pelajar baharu bagi pengambilan Sesi II 2020 / 2021 akan dilaksanakan secara dalam talian.
7. Fakulti dan UiTM cawangan perlu merujuk kepada dokumen pelaksanaan dan pengendalian pengajaran dan pembelajaran iaitu:
 - a. Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UiTM
 - b. Garis Panduan Pelaksanaan Penyampaian dan Pembelajaran Secara Bersemuka di Ruang Pembelajaran UiTM dan Secara ODL
 - c. Kerangka Pengajaran Kolaboratif UiTM
8. Fakulti dan UiTM cawangan perlu bersedia melaksanakan pengajaran hibrid secara segerak (*simultaneous*), di mana pensyarah bersama sekumpulan pelajar berada setempat dalam sesi F2F turut disertai pelajar secara jarak jauh (*remote*).
9. Peperiksaan Akhir secara F2F setempat tidak akan dilaksanakan pada sesi II 2020 / 2021 dan akan digantikan dengan Penilaian Berterusan / Penilaian Akhir.
10. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memberi kebenaran dan menguruskan sebarang permohonan dari pelajar untuk mobiliti / menumpang kampus.
11. Semua PTJ perlu bekerjasama dalam menyediakan pelan latihan dan komunikasi yang jelas untuk membantu pensyarah dan pelajar memahami konsep penyampaian dan pembelajaran dalam krisis dan situasi tidak menentu. Ini adalah supaya penyampaian dan pembelajaran dapat diamalkan secara fleksibel, wajar, berkesan dan relevan.

PENGENDALIAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS

12. Hanya enam (6) kategori pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus menurut kepada jadual berikut:

Jadual Kategori Pelajar Dibenarkan Kembali Ke Kampus

Kategori	Butiran
1	Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Sarjana Muda dan Pascasiswazah yang memerlukan sesi F2F yang mendesak sahaja yang melibatkan praktikal, makmal, klinikal, latihan amal, studio, bengkel, kawad, padang, dapur dan peralatan khas.
2	Pelajar yang tidak mempunyai akses internet dan berada di dalam persekitaran yang tidak kondusif bagi melaksanakan PdP secara dalam talian.
3	Pelajar Asasi atau setara dan pelajar Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid.
4	Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali yang datang dari United Kingdom.
5	Pelajar Berkeperluan Khas (OKU).
6	Pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET), peperiksaan antarabangsa dan peperiksaan badan profesional.

13. Pengendalian pelajar mengikut kategori yang dibenarkan untuk kembali ke kampus ini perlu dilaksanakan **secara berfasa** mengikut kesesuaian seperti yang dinyatakan pada **perkara 5** dengan pengubahsuaian agar pengoperasian pendaftaran kolej dapat berjalan dengan lancar.

14. Fakulti dan UiTM cawangan hanya boleh merancang sesi pembelajaran F2F setempat bagi pelajar yang tergolong dalam Kategori 1 dan Kategori 6 sahaja.

15. Fakulti dan UiTM cawangan bertanggungjawab untuk menentukan kaedah pelaksanaan pembelajaran yang terbaik menurut kepada keunikan dan keperluan program pengajian, lokaliti serta keupayaan fakulti dan UiTM cawangan masing-masing. Fakulti dan UiTM cawangan juga dicadangkan untuk menggunakan jadual di bawah bagi tujuan penentuan samada pelajar perlu segera kembali ke kampus ataupun tidak perlu kembali ke kampus.

Jadual Kriteria Keperluan Pelajar Kembali Ke Kampus

Kes (Situasi)	Adakah Dengan Berada Di Luar Kampus / Rumah Akan Menjejaskan Pembelajaran Pelajar Dengan Serius?	Adakah Dengan Berada Di Luar Kampus / Rumah Akan Menjejaskan Pentaksiran Dan Penilaian Pelajar?	Keperluan Kembali Segera Ke Kampus
1	Tidak	Tidak	Tidak
2	Tidak	Ya	Ya
3	Ya	Tidak	Ya
4	Ya	Ya	Ya

PENGENDALIAN PUSAT PENGASINGAN

16. Fakulti dan UiTM cawangan perlu mengambil perhatian kepada perkara berikut di dalam mengendalikan pusat pengasingan di lokasi masing-masing:

- a. Pelajar mengikut kategori yang dibenarkan kembali ke kampus yang akan menetap di dalam kampus perlu melalui proses pengasingan berdasarkan SOP yang dikeluarkan oleh KPT di lampiran 1.
- b. Pelajar Kategori 6 tidak perlu ditempatkan di pusat pengasingan tetapi perlu mematuhi SOP sepanjang berada di dalam kampus.
- c. Pelajar yang tinggal / menetap di dalam daerah / kawasan yang sama dengan kawasan kampus boleh dikecualikan dari melalui proses pengasingan di pusat pengasingan.

PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

17. Kolej kediaman dijangka akan beroperasi sebagai kediaman tetap dan sebahagiannya sebagai pusat pengasingan. Semua PTJ terutamanya Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kolej Kediaman perlu memainkan peranan dan tanggungjawab untuk melaksanakan beberapa tindakan susulan dalam penyediaan kolej kediaman iaitu:

- a. Pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus perlu menggunakan perkhidmatan kolej kediaman yang disediakan di kampus masing-masing.
- b. Pihak pengurusan kolej perlu menyediakan pilihan pakej kepada pelajar sama ada dengan kaedah caj secara transit / *by request*, caj bulanan, atau caj secara *one-off*. Pelajar perlu memohon pakej yang berkenaan secara dalam talian.
- c. Pelajar Kategori 1 yang menjalani pengajian pascasiswazah secara penyelidikan dan tinggal / menetap di dalam daerah / kawasan yang sama dengan kawasan kampus boleh dikecualikan dari menetap di dalam kampus.
- d. Pemakluman perlu dibuat kepada pelajar dari semasa ke semasa sebagai langkah persiapan awal sebelum kembali ke kampus untuk menjalani sesi perkuliahan.
- e. Pihak pengurusan perlu bersedia untuk menjalankan pendaftaran kolej kediaman pada waktu pejabat.

PENGENDALIAN PEPERIKSAAN BERTULIS

18. Fakulti dan UiTM cawangan perlu mengambil perhatian kepada perkara berikut di dalam mengendalikan peperiksaan bertulis di lokasi masing-masing:

- a. Pelajar yang hadir ke kampus bagi menduduki Peperiksaan Bertulis sama ada peperiksaan profesional, peperiksaan antarabangsa atau MUET (pelajar Kategori 6) sahaja boleh dikecualikan dari melalui proses pengasingan.

- b. Fakulti / UiTM cawangan yang ada keperluan untuk menjalankan Peperiksaan Bertulis di dalam kampus adalah disaran untuk menyediakan ruang bilik peperiksaan menurut kepada ketetapan berikut:
- i. Pengudaraan bilik peperiksaan dalam keadaan baik. Pihak pengurusan disaran untuk memastikan pintu dan tingkap dibuka sepanjang peperiksaan dijalankan.
 - ii. Jarak di antara meja adalah antara 1.5 sehingga 2 meter.
 - iii. Bilangan pelajar dalam bilik peperiksaan adalah pada jumlah yang paling minimum.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

19. Pergerakan keluar dan masuk pelajar yang berada di dalam kampus perlu dikawal setiap masa agar pergerakan mereka berada di tahap minimum dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
20. Fakulti dan UiTM cawangan perlu memastikan pelajar melaksanakan perkara yang berikut tanpa gagal sepanjang tempoh mereka menetap di dalam kampus iaitu:
- a. Membuat ikrar dan Aku Janji untuk mematuhi semua peraturan dan SOP universiti melalui Sistem SaringC19 UiTM;
 - b. Membuat deklarasi harian melalui Sistem SaringC19 UiTM;
 - c. Mematuhi semua SOP, arahan dan peraturan yang telah ditetapkan Universiti; dan
 - d. Sekiranya pelajar memberi maklumat palsu atau didapati melanggar perkara-perkara di atas, pelajar berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib, dan jika disabitkan kesalahan boleh dijatuahkan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976.

PEKELILING BERKAITAN


21. Pekeliling ini perlu dibaca bersama surat KPT bertarikh 9 Februari 2021 berkenaan kemasukan semula pelajar ke kampus secara fizikal bermula 1 Mac 2021.

TARIKH DIKELUARKAN

22. Pekeliling ini dikeluarkan pada 16 Februari 2021.

TARIKH KUAT KUASA

23. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Februari 2021.


PROF. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 16 Februari 2021
Kategori Pekeliling : Prosedur



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education
 Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
 Presint 5, 62200 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 5051
 Faks : 03-8870 6806
 Laman Web : www.mohe.gov.my

Rujukan kami: JPT(A)1000/001/019/01JLD.23(43)

Tarikh : 9 Februari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts.,

KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KE KAMPUS SECARA FIZIKAL BERMULA 1 MAC 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan kenyataan media pada 31 Januari 2021 berkenaan Kemasukan Semula Pelajar ke Kampus Secara Fizikal bermula 1 Mac 2021. Selaras dengan pengumuman tersebut, KPT ingin menjelaskan bahawa kemasukan pelajar ke semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti akan dilaksanakan bagi **enam (6) kategori pelajar berkeperluan** seperti berikut:

- i. Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang **memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas**;

- ii. Pelajar yang **tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif** bagi melaksanakan PdP dalam talian;
- iii. Pelajar **Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus** boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- iv. **Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;**
- v. Pelajar **Berkeperluan Khas (OKU);** dan
- vi. Pelajar yang menduduki **peperiksaan Malaysia University English Test (MUET), antarabangsa dan badan profesional.**

3. Selain dari itu, Kementerian turut mengumumkan bahawa kemasukan pelajar ke kampus IPT di Sabah dan Sarawak serta kemasukan pelajar dari Sabah ke Semenanjung yang diwajibkan menjalani **Ujian Swab akan dibiayai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**

4. Manakala bagi pelajar yang tiba di Sarawak, pelajar **diwajibkan menjalani kuarantin** selama 14 hari di lokasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebelum dibenarkan pulang ke kampus masing-masing. Sepanjang tempoh tersebut, **kos kuarantin** termasuk makan dan minum akan ditanggung oleh **Kerajaan Negeri Sarawak.**

5. KPT ingin menegaskan bahawa kemasukan pelajar berkeperluan adalah **bermula pada 1 Mac 2021** dan perlu dilaksanakan **secara berfasa** mengikut kesesuaian kalendar IPT masing-masing. Justeru,

setiap IPT disaran untuk membuat anjakan tarikh kemasukan pelajar sekiranya perlu. Langkah ini bagi mengelakkan isu berbangkit berhubung tanggungan kos Ujian Swab oleh KKM dan kos kuarantin oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

6. Sehubungan itu, KPT menggesa agar pihak YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. **mengenal pasti pelajar** dan membuat perancangan kemasukan pelajar secara teliti dan komprehensif. Pihak institusi dikehendaki **mengeluarkan surat panggilan kemasukan** kepada pelajar yang terlibat bagi membolehkan pelajar membuat persediaan awal. IPT juga perlu **melampirkan surat ini bersama-sama surat panggilan kemasukan** bagi memudahkan urusan pergerakan pelajar.

8. YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts adalah bertanggungjawab memastikan **pematuhan SOP** yang ketat dilaksanakan di institusi berdasarkan SOP yang telah ditetapkan. Justeru, bersama-sama ini dilampirkan panduan melaksanakan kemasukan pelajar untuk rujukan pihak institusi:

- i. **Lampiran A: Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Pengasingan IPT**
- ii. **Lampiran B: Carta Alir Pergerakan Pelajar ke Kampus**
- iii. **Lampiran C: Soalan Lazim (FAQ)**

9. Selaras dengan itu, KPT menggesa agar pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/ Prof./Ts. memperkemas **pelan komunikasi** di peringkat institusi masing-masing bagi memastikan maklumat dan tatacara

kemasukan dapat disampaikan dengan jelas kepada pelajar dan semua warga IPT. Seterusnya, memastikan proses kemasukan pelajar dan pengoperasian institusi dilaksanakan dengan lancar dan berkesan bagi menjamin keselamatan warga kampus keseluruhannya.

10. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. berhubung perkara ini amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Salam Hormat .

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF)

s.k.

YB Menteri Pengajian Tinggi

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

SENARAI EDARAN

1. TS. ZAINAB BINTI AHMAD

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Pejabat Ketua Pengarah

Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w, Persiaran Perdana, Presint 4

62100 PUTRAJAYA

2. YBHG. DATO' PROF. IR. DR. MOHD HAMDI ABD SHUKOR

Naib Canselor

Universiti Malaya

Pejabat Naib Canselor

Bangunan Naib Canselor

Universiti Malaya

50603 KUALA LUMPUR

No. Tel. : 03-7967 3213 / 03-7967 3510

No. Faks : 03-7954 7551

E-mel : vc@um.edu.my / hamdi@um.edu.my

E-mel S/U : zaitunm@um.edu.my

3. YBRS. PROF. DR. FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN

Naib Canselor

Universiti Sains Malaysia

Aras 6, Bangunan Canselori

11800 PULAU PINANG

No. Tel. : 04-653 3101

No. Faks : 04-656 5401

E-mel : vc@usm.my

E-mel S/U : rodhiyah@usm.my

4. YBHG. PROF. DATO' DR. MOHD EKHWAN BIN TORIMAN

Naib Canselor

Universiti Kebangsaan Malaysia

Aras 6, Bangunan Canselori

43600 Bangi

SELANGOR

No. Tel. : 03-8921 5001

No. Faks : 03-8921 4242

E-mel : tncheaa@ukm.edu.my

E-mel S/U : suncukm@ukm.edu.my / teem67@ukm.edu.my

5. YBRS. PROF. DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang

SELANGOR

No. Tel. : 03-9769 6001 / 6002
No. Faks : 03-9769 2016
E-mel : vc@upm.edu.my
E-mel S/U : watty@upm.edu.my

6. YBHG. DATUK PROF. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL

Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia
Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim
81310 UTM Johor Bahru

JOHOR

No. Tel. : 07-553 0001 / 07-557 5960
No. Faks : 07-557 9376
E-mel : afauzi@utm.my
E-mel S/U : panc@utm.my

7. YBHG. TAN SRI DATO' PROF. EMERITUS DZULKIFLI ABDUL RAZAK

Rektor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Aras 4, Bangunan Rektor, Kampus Gombak
53100 SELANGOR

No. Tel. : 03-6421 4002
No. Faks : 03-6196 4858 / 4005
E-mel : dzulrazak@iium.edu.my / dzulrazak51@gmail.com
E-mel S/U : azizaha@iium.edu.my

8. YBHG. DATO' PROF. DR. AHMAD BASHAWIR BIN HJ.ABDUL GHANI

Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia
Aras 5, Bangunan Canselori
06010 Sintok

KEDAH

No. Tel. : 04-928 3001
No. Faks : 04-928 3005

E-mel : bashawir@uum.edu.my / vc@uum.edu.my
E-mel S/U : kyairulnisya@uum.edu.my

9. YBHG. DATUK PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI

Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
Penthouse, Bangunan CAUH Kampus Barat
94300 Kota Samarahan
SARAWAK
No. Tel. : 082-581 112 / 1047
No. Faks : 082-665 111
E-mel : kadim@unimas.my
E-mel S/U : Irene@unimas.my

10. YBHG. DATUK PROF. DR. TAUFIQ YAP YUN HIN

Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah
Aras 6, Bangunan Canselori, Blok Selatan
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu
SABAH
No. Tel. : 088-320 203
No. Faks : 088-320 217
E-mel : ncums@ums.edu.my
E-mel S/U : pavcums@ums.edu.my / badrah@ums.edu.my

11. Naib Canselor

Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
PERAK
No. Tel. : 05-459 6200 /6546
No. Faks : 05-458 2773
E-mel : shatar@upsi.edu.my
E-mel S/U : raudah@upsi.edu.my

12. YBRS. PROF. DR. MOHAMED RIDZA BIN WAHIDDIN

Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN

No. Tel. : 06-798 8013
No. Faks : 06-794 1143
E-mel : nc@usim.edu.my
E-mel S/U : su.nc@usim.edu.my /
noorashikinmusbah@usim.edu.my

13. YBHG. DATUK PROF. EMERITUS IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM

Naib Canselor
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR
No. Tel. : 03-5544 2222
No. Faks : 03-5544 2030
E-mel : azraai@uitm.edu.my
E-mel S/U : nurayuni@uitm.edu.my

14. YBHG. DATO' PROF. DR. NOR AIENI BINTI MOKHTAR

Naib Canselor
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU
No. Tel. : 09-668 4102 (PA) /
 09-668 4108 / 5083 (Pejabat Am)
No. Faks : 09-669 7418
E-mel : noraieni@umt.edu.my
E-mel S/U : adilla@umt.edu.my

15. YBHG. DATUK PROF. TS. DR. WAHID RAZZALY

Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat
JOHOR
No. Tel. : 07-453 7005
No. Faks : 07-453 6010
E-mel : nc@uthm.edu.my
E-mel S/U : lieynn@uthm.edu.my

- 16. YBHG. DATUK WIRA PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM**
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
MELAKA
No. Tel. : 06-270 1011
No. Faks : 06-270 1021
E-mel : raha@utem.edu.my
E-mel S/U : nuraida@utem.edu.my
- 17. YBRS. PROF. IR. DR. WAN AZHAR WAN YUSOFF**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Aras 3, Canseleri Tun Abdul Razak
26600 Pekan
PAHANG
No. Tel. : 09-424 5002 / 5060
No. Faks : 09-424 5555
E-mel : nc@ump.edu.my
E-mel S/U : su_nc@ump.edu.my
- 18. YBRS. PROF. IR. TS. DR. R. BADLISHAH AHMAD**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis
Tingkat 11, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
PERLIS
No. Tel. : 04-979 8000
No. Faks : 04-977 8011 / 8422
E-mel : vc@unimap.edu.my
E-mel S/U : pa_nc@unimap.edu.my / noriah@unimap.edu.my
- 19. YBHG. DATO' PROF. DR. HASSAN BASRI AWANG MAT**
DAHAN
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
TERENGGANU
No. Tel. : 09-668 8890 / 8891
No. Faks : 09-668 7887

E-mel : vc@unisza.edu.my / hasbri@unisza.edu.my /
hasbri62@gmail.com

E-mel S/U : rohayuismail@unisza.edu.my /
ayuisibu80@gmail.com

20. YBHG. DATO' PROF. TS. DR. NOOR AZIZI ISMAIL

Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Bachok
16300 Bachok
KELANTAN
No. Tel. : 09-779 7700
No. Faks : 09-779 7012
E-mel : noorazizi@umk.edu.my
E-mel S/U : izura@umk.edu.my

21. YBHG. LT JEN DATO' HASAGAYA BIN ABDULLAH

Naib Canselor
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
57000 Kem Sungai Besi
KUALA LUMPUR
No. Tel. : 03-9051 3457
No. Faks : 03-9057 4361
E-mel : nc@upnm.edu.my
E-mel S/U : sh.fasha@upnm.edu.my



Kementerian Pengajian Tinggi

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN
PUSAT PENGASINGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI
(IPT)**

GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN PUSAT PENGASINGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

1. LATAR BELAKANG

Selaras dengan kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 1 Februari 2021 mengenai Kemasukan Semula Pelajar ke Kampus Secara Fizikal bermula 1 Mac 2021, adalah diputuskan bahawa pelajar berkeperluan dari zon PKP/PKPB yang mendapat kebenaran untuk kembali ke IPT **DIWAJIBKAN** untuk menjalani pengasingan di Pusat Pengasingan.

2. PUSAT PENGASINGAN

Pusat Pengasingan merupakan fasiliti yang disediakan oleh IPT sebagai zon pengawasan bagi memantau tahap kesihatan/risiko pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke kampus dari zon PKP/PKPB sebagai langkah pengawalan penularan pandemik COVID-19.

3. TEMPOH PENGASINGAN

Tempoh pengasingan adalah selama **sepuluh (10) hari** sebagaimana ditetapkan bermula dari hari ketibaan pelajar berkeperluan di kampus.

4. KOS PENGASINGAN

Segala kos bagi penempatan, pengurusan dan pengoperasian Pusat Pengasingan adalah di bawah **tanggungan IPT masing-masing**.

5. PENGURUSAN PELAJAR DI PUSAT PENGASINGAN

a. Pendaftaran Masuk

- i) Pendaftaran masuk pelajar ke Pusat Pengasingan adalah melalui proses pendaftaran yang ditetapkan, termasuk merekod maklumat diri dan melengkapkan borang pendaftaran.
- ii) Pelajar perlu mengemukakan dokumen berkaitan semasa pendaftaran seperti Surat Panggilan IPT atau Surat Kebenaran Kembali Ke Kampus.

b. Semasa pengasingan

- i) Pelajar akan menjalani tempoh pengasingan selama **sepuluh (10) hari**.
- ii) Penempatan adalah berdasarkan **seorang pelajar setiap bilik**.
- iii) Pelajar dibenarkan membeli makanan dan minuman di kafe yang beroperasi secara *packed food* atau *take-away* sahaja dan mengikut ketetapan masa yang diperuntukkan.
- iv) Pelajar dinasihatkan agar sentiasa memantau tahap kesihatan kendiri dan melaporkan dengan segera kepada petugas sekiranya mula mengalami sebarang gejala.
- v) Petugas perlu membuat **saringan kesihatan dua (2) kali sehari** bagi memantau tahap kesihatan pelajar yang menjalani proses pengasingan.
- vi) Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi segala arahan dan nasihat petugas dari semasa ke semasa, termasuk:
 - Tidak dibenarkan keluar dari kawasan Pusat Pengasingan;
 - Tidak dibenarkan berkumpul atau melaksanakan aktiviti secara berkumpulan;
 - Tidak dibenarkan terlibat atau melaksanakan aktiviti riadah di luar bilik;
 - Perkhidmatan penghantaran makanan dari luar seperti *Grabfood*, *Food Panda* dan lain-lain penyedia perkhidmatan adalah dibenarkan, tertakluk kepada

- pematuhan SOP keluar-masuk kawasan Pusat Pengasingan; dan
- Tidak dibenarkan menerima pelawat.
- vii) Sekiranya pelajar disahkan mempunyai gejala semasa tempoh pengasingan, maka pelajar perlu dirujuk segera ke Pusat Kesihatan Universiti dan/atau Pusat Kesihatan Daerah.
- viii) Sekiranya pelajar yang menjalani pengasingan disahkan positif melalui ujian saringan COVID-19 (Tahap 1 dan 2), maka pelajar perlu menjalani kuarantin kendiri di Pusat Kuarantin yang disediakan.
- ix) Pelajar dibenarkan mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian sepanjang tempoh pengasingan.

c. Pendaftaran Keluar

- i) Proses daftar keluar pelajar dari Pusat Pengasingan adalah mengikut peraturan yang ditetapkan, termasuk dokumentasi yang diperlukan.
- ii) Pelajar dibenarkan meninggalkan Pusat Pengasingan setelah tamat tempoh sepuluh (10) hari pengasingan dan dibenarkan meneruskan PdP secara hibrid.

SEMUA pelajar berkeperluan yang dibenarkan pulang ke kampus dan ditempatkan di Pusat Pengasingan adalah **WAJIB** mematuhi prosedur dan/atau proses yang ditetapkan, tertakluk kepada sebarang perubahan sebagaimana dimaklumkan sebaliknya.

6. PENGECUALIAN PENGASINGAN

Semua pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke IPT adalah tertakluk kepada arahan pengasingan yang telah ditetapkan. Sebarang permohonan pengecualian pengasingan hendaklah melalui pihak IPT dan mendapat kebenaran bertulis dari KPT.

Permohonan oleh Universiti Awam (UA) dan IPT Swasta perlu dipanjangkan kepada;

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Mahasiswa Holistik)

Permohonan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti perlu dipanjangkan kepada;

Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Galeria PjH, Jalan P4w, Persiaran Perdana
62100 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar)

7. KUATKUASA

Pemakaian tatacara ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1 Mac 2021 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan oleh KPT.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
9 FEBRUARI 2021**




Kementerian Pengajian Tinggi

LAMPIRAN B


CARTA ALIR PERGERAKAN PELAJAR KE KAMPUS

KEMASUKAN KE SABAH




*Perubahan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan

KEMASUKAN KE SARAWAK




*Perubahan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan

KEMASUKAN DARI SABAH KE SEMENANJUNG




*Perubahan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan

KEMASUKAN DARI SARAWAK KE SEMENANJUNG



*Perubahan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan

PERGERAKAN DI DALAM SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK



*Perubahan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan



Kementerian Pengajian Tinggi

LAMPIRAN C

**SOALAN LAZIM (FAQ)
KEMASUKAN PELAJAR IPT KE KAMPUS PADA MAC 2021**

SOALAN LAZIM (FAQ)
KEMASUKAN PELAJAR IPT KE KAMPUS PADA MAC 2021

A. KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS

1. Apakah kategori pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke kampus?

Kategori pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke kampus ialah:

- i. Pelajar program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas;
- ii. Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian;
- iii. Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- iv. Pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;
- v. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
- vi. Pelajar yang menduduki peperiksaan *Malaysia University English Test (MUET)*, antarabangsa dan badan profesional.

2. Bilakah pelajar berkeperluan dibenarkan masuk ke kampus untuk aktiviti PdP pada kemasukan semester baru 2021?

Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu dari semua negara kecuali United Kingdom dibenarkan kembali ke kampus secara fizikal **bermula 1 Januari 2021**. Manakala, **pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan berkeperluan** dibenarkan kembali ke kampus secara fizikal bagi semua Universiti Awam (UA), IPT Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti **bermula Mac 2021**.

Kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus perlu dilaksanakan secara berfasa mengikut keutamaan yang ditentukan oleh IPT bagi mengikuti PdP secara hibrid.

3. Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti pelajar berkeperluan?

Pihak IPT adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti pelajar berkeperluan berdasarkan kategori pelajar yang telah diluluskan dan membenarkan mereka memasuki kampus.

4. Bagaimana pihak IPT mengenal pasti pelajar berkeperluan yang tidak mempunyai akses internet dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian?

Pihak IPT mengenal pasti pelajar berkeperluan yang tidak mempunyai akses internet dan persekitaran tidak kondusif berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pelajar.

5. Adakah pelajar berkeperluan yang tidak disenaraikan oleh IPT boleh memohon untuk kembali ke kampus bagi menjalankan PdP secara hibrid?

Ya Boleh. Sekiranya pelajar berkeperluan yang tidak disenaraikan oleh IPT berhasrat untuk kembali ke kampus, pelajar boleh mengemukakan permohonan kepada IPT masing-masing beserta justifikasi bagi pertimbangan IPT selanjutnya. Walau bagaimanapun keputusan permohonan tertakluk kepada pertimbangan IPT masing – masing. Sekiranya permohonan pelajar ditolak, pelajar masih boleh meneruskan sesi PdP secara dalam talian.

6. Apakah proses kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus?

Semua IPT bertanggungjawab membuat perancangan dan penyelarasanyang teliti berkaitan pengurusan kemasukan pelajar ke kampus. Pelan komunikasi yang berkesan perlu dibangunkan supaya para pelajar dapat menerima dan melaksanakan SOP dengan baik.

Pelajar berkeperluan boleh merujuk kepada IPT masing-masing berkaitan tatacara kemasukan pelajar ke kampus.

7. Adakah IPT akan mengeluarkan pemakluman tarikh kepada pelajar terlibat sebelum dibenarkan pulang ke kampus?

YA. IPT akan mengeluarkan pemakluman kepada pelajar yang berkeperluan untuk pulang ke kampus bagi memastikan pergerakan pelajar kembali ke kampus terancang dan lancar.

8. Sekiranya pelajar dibenarkan mengikuti PdP di kampus, apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk bergerak ke kampus?

Pelajar perlu mendapatkan surat panggilan kemasukan dari IPT dan memohon kebenaran pergerakan dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi merentas daerah atau negeri untuk pulang ke kampus sekiranya pelajar atau IPT berkenaan berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Walau bagaimanapun, kemasukan pelajar dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ke kampus adalah ditangguhkan.

9. Adakah kos pergerakan pelajar kembali ke kampus akan ditanggung oleh pihak kerajaan?

TIDAK. Kos pergerakan pelajar kembali ke kampus adalah di bawah tanggungan sendiri.

10. Bilakah pergerakan pelajar secara berfasa boleh dibuat?

Pelajar berkeperluan dibenarkan memasuki kampus mulai 1 Mac 2021 secara berfasa bagi mengikuti pembelajaran secara hibrid.

B. PUSAT PENGASINGAN

11. Apakah yang dimaksudkan dengan pusat pengasingan?

Pusat Pengasingan merupakan fasiliti yang disediakan oleh IPT sebagai zon pengawasan bagi memantau tahap kesihatan/risiko pelajar dari kawasan PKP dan PKPB sebagai langkah mengawal penularan pandemik COVID-19.

12. Siapakah yang akan menanggung kos penginapan di pusat pengasingan?

Kos penginapan di pusat pengasingan akan ditanggung oleh IPT masing-masing.

13. Siapakah yang perlu menjalani pengasingan di pusat pengasingan?

Pelajar dari zon PKP dan PKPB perlu hadir lebih awal bagi menjalani pengasingan selama 10 hari di pusat pengasingan yang disediakan oleh IPT.

Bagi pelajar yang menjalani Ujian Swab (RT-PCR) sebelum kembali ke kampus, boleh dipertimbangkan bagi pengecualian tempoh pengasingan tertakluk kepada kelulusan atau keputusan terkini KPT.

14. Adakah semasa pengasingan, pelajar boleh mengikuti PdP?

YA. Pelajar dibenarkan mengikuti PdP secara dalam talian semasa proses pengasingan.

15. Adakah ahli keluarga/kenalan boleh melawat pelajar di pusat pengasingan?

TIDAK. Pelajar tidak dibenarkan menerima pelawat semasa tempoh pengasingan.

16. Bagaimakah tahap kesihatan pelajar dipantau di pusat pengasingan?

Tahap kesihatan pelajar yang menjalani proses pengasingan akan dipantau melalui **saringan kesihatan yang dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sehari** sepanjang tempoh pengasingan.

C. PERGERAKAN PELAJAR DARI/KE SABAH DAN SARAWAK

17. Bagaimana pergerakan pelajar berkeperluan dari Semenanjung, W.P. Labuan dan Sabah yang akan kembali ke IPT di Sarawak?

Pelajar berkeperluan dari Semenanjung, W. P. Labuan dan Sabah yang akan pulang ke IPT di Sarawak diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum penerbangan ke Sarawak. Pelajar diwajibkan menjalani kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

18. Bagaimana pergerakan pelajar berkeperluan dari Semenanjung, W.P. Labuan dan Sarawak yang akan kembali ke IPT di Sabah?

Pelajar berkeperluan dari Semenanjung, W. P. Labuan dan Sarawak yang akan pulang ke IPT di Sabah diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum penerbangan ke Sabah.

19. Bagaimana pergerakan pelajar berkeperluan dari Sabah yang akan kembali ke IPT di Semenanjung, W.P. Labuan dan Sarawak?

Bagi pelajar berkeperluan dari Negeri Sabah ke IPT di Semenanjung, W.P. Labuan dan Sarawak diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum penerbangan.

Bagi kemasukan ke Sarawak, pelajar diwajibkan untuk menjalani kuarantin di pusat kuarantin yang akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak selama 14 hari sebelum dibenarkan pulang ke kampus.

- 20. Bagaimanakah prosedur pergerakan pelajar berkeperluan dari Sarawak yang akan kembali ke IPT di Semenanjung, W.P. Labuan dan Sabah?**

Bagi pelajar berkeperluan dari Sarawak ke IPT di Semenanjung dan W.P. Labuan tidak diwajibkan menjalani Ujian Swab. Manakala, pelajar yang akan ke Negeri Sabah akan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum penerbangan/memasuki Negeri Sabah. Pelajar akan ditempatkan di pusat pengasingan yang ditentukan oleh IPT masing-masing bagi memastikan mereka bebas daripada sebarang gejala COVID-19.

- 21. Adakah kos kuarantin dan ujian pengesanan COVID-19 yang diwajibkan oleh Kerajaan akan ditanggung oleh kerajaan bagi pergerakan pelajar ke Sabah, Sarawak dan Semenanjung?**

YA. Kos Ujian Swab bagi kemasukan ke Negeri Sabah dan Sarawak serta pelajar Sabah yang keluar dari Sabah akan dibiayai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manakala bagi kos kuarantin, hanya kemasukan ke Negeri Sarawak sahaja diwajibkan menjalani kuarantin selama 14 hari. Kos ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

- 22. Apakah yang perlu di lakukan oleh pelajar yang diwajibkan menjalani Ujian Swab di fasiliti/ klinik kesihatan/ hospital kerajaan?**

Pelajar perlu membawa surat panggilan kemasukan IPT dan mengemukakannya kepada Pusat Kesihatan Daerah untuk mendapatkan temu janji bagi tujuan pelaksanaan Ujian Swab RT-PCR. Seterusnya, pelajar perlu menjalani Ujian Swab mengikut tarikh dan lokasi yang telah ditetapkan dalam temu janji yang dibuat oleh Pusat Kesihatan Daerah.

- 23. Sekiranya pelajar berkemampuan dan bersetuju untuk menggunakan peruntukan sendiri bagi melaksanakan Ujian Swab di klinik/ hospital swasta, adakah keputusan ujian ini boleh digunakan?**

Ya. Keputusan Ujian Swab dari klinik/hospital swasta boleh diterima jika ia memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

D. AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- 24. Adakah aktiviti PdP secara bersemuka dibenarkan bagi pelajar yang berada di kampus?**

Pembelajaran bagi semua program pengajian diteruskan secara hibrid. IPT perlu memastikan SOP yang ketat dipatuhi.

E. AKTIVITI PELAJAR

- 25. Adakah aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum dibenarkan?**

Semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum secara bersemuka dan berkumpulan **TIDAK DIBENARKAN** bagi IPT yang berada dalam kawasan PKP dan PKPB.

Walau bagaimanapun, bagi pelajar IPT yang berada dalam kawasan PKPP, semua aktiviti pelajar boleh dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang berkuat kuasa.

Pelaksanaan program/aktiviti secara dalam talian atau platform digital yang bersesuaian adalah digalakkan.

Pelaksanaan semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum adalah tertakluk kepada situasi pandemik COVID-19 dan arahan semasa yang berkuat kuasa.

F. AKTIVITI PENYELIDIKAN

- 26. Adakah aktiviti penyelidikan dibenarkan?**

Semua aktiviti penyelidikan yang berkeperluan boleh dilaksanakan dengan memastikan SOP yang ketat dipatuhi.

G. LANGKAH KESELAMATAN

- 27. Adakah pelajar yang berkeperluan perlu menjalani Ujian Swab sebelum kembali ke kampus?**

TIDAK. Pelajar dalam kategori ini tidak diwajibkan untuk menjalani Ujian Swab sebelum kembali ke kampus **kecuali** bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang mewajibkan perkara tersebut.

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah **tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan Negeri**.

- 28. Bagaimana sekiranya pelajar yang tiba di kampus mempunyai bacaan suhu yang tinggi atau bergejala?**

Pelajar tersebut akan dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti/ klinik/ hospital berdekatan untuk menjalani saringan kesihatan yang lebih komprehensif atau menjalani Ujian Swab sekiranya diperlukan.

- 29. Adakah pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera di kampus?**

YA. Pelajar perlu menggunakan aplikasi MySejahtera semasa di kampus untuk tujuan *contact tracing* pihak KKM. Selain itu, pelajar perlu mematuhi keperluan penggunaan aplikasi selain MySejahtera yang diwajibkan oleh IPT masing-masing.

H. PELAJAR ANTARABANGSA

30. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar antarabangsa sebelum pergerakan kembali ke Malaysia?

- i. Kemukakan permohonan kemasukan melalui sistem *Education Malaysia Global Services* (EMGS) di pautan: www.educationmalaysia.gov.my;
- ii. Terima surat kelulusan kemasukan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Imigresen (KPI);
- iii. Memuat turun, melengkapkan dan menandatangani *Letter of Undertaking and Indemnity* (LoU) dan mendapatkan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan;
- iv. Menjalani ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum berlepas ke Malaysia;
- v. Memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan lengkapkan semua maklumat yang diperlukan tiga (3) hari sebelum ketibaan;
- vi. Pelajar membuat bayaran caj penuh kuarantin dan ujian pengesanan COVID-19 secara dalam talian (*online*) melalui sistem *MySafeTravel/ Aplikasi MyQr* oleh MyEG di pautan www.myeg.gov.my dan mengemukakan slip pembayaran di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA); dan
- vii. Mempamerkan Notis Perjalanan kepada Syarikat Penerbangan semasa mendaftar masuk.

- 31. Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan sebelum mengemukakan permohonan kemasukan?**

Pelajar adalah dikehendaki untuk mengemukakan maklumat seperti berikut:

- i. Nama Penuh;
- ii. Warganegara;
- iii. Nombor Pasport;
- iv. Institusi Pendidikan Tinggi;
- v. Maklumat Pengajian;
- vi. Nombor Telefon;
- vii. Emel;
- viii. Lokasi Keberadaan Pelajar (negara semasa);
- ix. Tarikh dan Maklumat Penerbangan;
- x. Borang persetujuan untuk menanggung kos rawatan dan lain-lain kos berkaitan sekiranya positif COVID-19; dan
- xi. Lain-lain maklumat berkaitan yang diperlukan dari semasa ke semasa.

- 32. Adakah pelajar dibenarkan membuat permohonan kemasukan ke Malaysia terus kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)?**

TIDAK. Semua permohonan kemasukan ke Malaysia perlu mendapat pengesahan KPT melalui EMGS.

- 33. Adakah pelajar dibenarkan memasuki Malaysia tanpa menandatangani *Letter of Undertaking* (LoU)?**

TIDAK. Hanya pelajar yang menandatangani LoU dan menerima Notis Perjalanan sahaja dibenarkan memasuki Malaysia.

- 34. Adakah tanggungan pelajar dibenarkan masuk ke Malaysia sekiranya memiliki Pas Tanggungan masih sah?**

Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan masuk. **Semua pemegang Pas Tanggungan masih belum dibenarkan memasuki Malaysia.**

- 35. Adakah pelajar perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di negara asal sebelum kemasukan ke Malaysia?**

Pelajar **wajib** membuat Ujian Saringan COVID-19 **tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas** ke Malaysia dan laporan ujian tersebut perlu ditunjukkan kepada pegawai bertugas di PMA semasa ketibaan.

- 36. Adakah Laporan Ujian Saringan COVID-19 perlu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris?**

YA. Hanya Laporan Ujian Saringan COVID-19 yang diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris diterima bagi tujuan pemeriksaan pihak berkuasa semasa ketibaan di Malaysia.

- 37. Adakah Keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas diterima di Pintu Masuk Antarabangsa?**

TIDAK. Keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas **tidak sah**. Pelajar **wajib** menjalani Ujian Saringan COVID-19 sekali lagi di PMA dan menjalani **kuarantin wajib** selama **sepuluh (10) hari** di stesen kuarantin yang telah ditetapkan.

- 38. Bilakah Ujian Saringan COVID-19 akan dilaksanakan?**

Pelajar perlu menjalani Ujian Saringan RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum ketibaan di Malaysia dan menjalani saringan kesihatan sekali lagi di Kaunter Saringan, KKM di PMA semasa tiba di lapangan terbang. Pelajar hanya dibenarkan masuk ke Kaunter Pemeriksaan Jabatan Imigresen Malaysia setelah selesai Ujian Saringan COVID-19 dan pelajar tidak menunjukkan gejala.

- 39. Adakah implikasi kos Ujian Saringan COVID-19 ditanggung oleh kerajaan?**

TIDAK. Semua implikasi kos Ujian Saringan COVID-19 semasa urusan kemasukan ke Malaysia dan sehingga tamat tempoh kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar.

- 40. Adakah pelajar yang kembali dari luar negara perlu menjalani kuarantin wajib sebelum kembali ke kampus?**

YA. Semua pelajar dari luar negara dikehendaki menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan, iaitu selama **tujuh (7) hari** untuk pelajar antarabangsa yang **menunjukkan laporan ujian RT-PCR COVID-19** semasa di PMA dan selama **sepuluh (10) hari** untuk mereka yang **tidak membawa bersama laporan RT-PCR COVID-19**.

- 41. Adakah pelajar dibenarkan untuk memilih Stesen Kuarantin?**

TIDAK. Stesen Kuarantin akan ditentukan oleh pihak NADMA.

- 42. Apakah tanggungjawab pelajar semasa menjalani tempoh kuarantin?**

Pelajar perlu memastikan perkara berikut:

- i. Pelajar menjalani Ujian Swab kali ke-2:
 - (a) Pelajar yang **telah menunjukkan bukti laporan ujian RT-PCR COVID-19** di PMA semasa ketibaan di Malaysia perlu menjalani Ujian Swab RT-PCR / RTK Ag COVID-19 **pada hari ke-5 tempoh kuarantin**; dan
 - (b) Pelajar yang **tidak menunjukkan bukti laporan ujian RT-PCR COVID-19** di PMA semasa ketibaan di Malaysia perlu menjalani Ujian Swab RT-PCR / RTK Ag COVID-19 **pada hari ke-8 tempoh kuarantin**; dan

- ii. Pelajar perlu membuat **penilaian kendiri setiap hari** melalui *Home Assessment Tool* dalam aplikasi MySejahtera selama **14 hari dari tarikh ketibaan**.
- 43. Apakah tanggungjawab IPT semasa pelajar menjalani tempoh kuarantin?**

IPT perlu memastikan perkara berikut:

- i. IPT perlu mengenal pasti lokasi Stesen Kuarantin pelajar masing-masing melalui EMGS; dan
 - ii. IPT perlu membuat perancangan yang teliti bagi memastikan urusan pengambilan pelajar dari Stesen Kuarantin ke IPT masing-masing berjalan dengan lancar dan teratur.
- 44. Adakah kos kuarantin ditanggung oleh kerajaan?**

TIDAK. Semua implikasi kewangan ditanggung oleh pelajar.

- 45. Berapakah jangkaan kos yang perlu dibayar oleh pelajar?**

CAJ BAGI UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN FASILITI KKM	
UJIAN PENGESAHAN COVID-19	FI
RT-PCR	RM250.00
RTK Ag	RM120.00
KOS KUARANTIN	
KOS PENGINAPAN/ PENGOPERASIAN	FI
Kos penginapan (RM150.00/sehari)	RM1,500.00 (kuarantin 10 hari) RM1,050 (kuarantin 7 hari)
Caj Tetap (Pengoperasian Stesen Kuarantin)	RM2,600.00

- 46. Bilakah bayaran Ujian Saringan COVID-19 dan Kos Kuarantin perlu dijelaskan?**

Bayaran Ujian Saringan COVID-19 dan Kos Kuarantin perlu dijelaskan sebelum kemasukan ke Malaysia secara dalam talian (*online*) dan slip pembayaran dikemukakan kepada petugas di PMA. Walau bagaimanapun, pembayaran secara tunai di PMA semasa ketibaan masih dibenarkan sehingga dimaklumkan kelak.

- 47. Adakah pelajar dibenarkan bergerak sendiri ke IPT selepas tamat tempoh kuarantin?**

TIDAK. Pelajar tidak dibenarkan bergerak ke IPT selepas tamat tempoh kuarantin tanpa pengawasan dan pemantauan IPT.

- 48. Adakah pelajar antarabangsa yang telah tamat tempoh kuarantin perlu mendapatkan surat kebenaran dari pihak polis untuk merentas Daerah/Negeri?**

TIDAK PERLU. Pihak NADMA akan memberikan surat pengesahan tamat tempoh kuarantin (*Release Order*) kepada pelajar dan boleh digunakan untuk ditunjukkan kepada petugas Sekatan Jalan Raya (SJR) ketika merentas Daerah/Negeri untuk bergerak ke IPT masing-masing.

- 49. Apakah tindakan yang perlu diambil selepas pelajar antarabangsa selesai kuarantin wajib yang ditetapkan oleh NADMA?**

IPT perlu mengambil pelajar yang telah tamat tempoh kuarantin wajib dan meneruskan pengajian di kampus. Surat pengesahan tamat tempoh kuarantin (*Release Order*) boleh digunakan untuk membuat perjalanan merentasi Daerah dan Negeri.

- 50. Adakah pelajar antarabangsa perlu menjalani pengasingan di IPT?**

TIDAK. Pelajar antarabangsa hanya perlu menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh NADMA. Pelajar hanya perlu menjalani kuarantin diri sehingga hari ke-14 sebelum dibenarkan hadir ke kelas.

- 51. Adakah pelajar transit untuk ke Sabah atau Sarawak perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di PMA?**

YA. Pelajar yang transit di KLIA/KLIA2 dan akan menaiki kapal terbang ke Sabah atau Sarawak perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di Pintu Masuk Antarabangsa di KLIA/KLIA2.

- 52. Adakah pelajar transit untuk ke Sabah dan Sarawak dibenarkan untuk menjalani kuarantin di Stesen Kuarantin sebaik sahaja tiba di Sabah atau Sarawak atau perlu menjalani kuarantin di Stesen Kuarantin di Semenanjung Malaysia?**

Sekiranya tempoh masa ketibaan pelajar dari luar negara di KLIA/KLIA2 dan jadual penerbangan ke Sabah atau Sarawak **kurang daripada 24 jam**, pelajar akan dibenarkan menaiki pesawat dan menjalani kuarantin di Stesen Kuarantin di Sabah atau Sarawak.

Walau bagaimanapun, sekiranya tempoh masa ketibaan pelajar dari luar negara dan jadual penerbangan ke Sabah atau Sarawak **melebihi 24 jam**, maka pelajar dikehendaki menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh NADMA di Semenanjung Malaysia (Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan) selama 7 atau 10 hari sebelum dibenarkan untuk meneruskan perjalanan ke Sabah atau Sarawak.

53. Adakah pelajar antarabangsa perlu mendapatkan surat pengesahan dari pihak kedutaan sekiranya ingin meninggalkan Malaysia?

TIDAK PERLU. Pelajar hanya perlu mendapatkan surat kebenaran untuk merentas Daerah/Negeri daripada Balai Polis yang berdekatan. IPT diminta untuk membantu pelajar bagi urusan ini.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
9 FEBRUARI 2021

